

**FAKTOR KEROHANIAN MENURUT ISLAM
DALAM PEMBINAAN BANDAR SELAMAT**

**[SPIRITUAL FACTORS ACCORDING TO ISLAM
IN THE CONSTRUCTION OF A SAFE CITY]**

NOR AMALINA ABD RAHMAN @ SABRI & WAN HISHAMUDIN WAN JUSOH¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

Email: amalina.unisza@gmail.com, whishamudin@unisza.edu.my

*Corresponding Author: amalina.unisza@gmail.com

Received Date: 10 May 2024 • Accepted Date: 1 June 2024 • Publish Date: 30 June 2024

Abstrak

Kawasan bandar mempunyai pelbagai jenis masalah yang perlu dihadapi. Antara masalah utama yang berlaku di bandar ialah jenayah. Masalah ini menuntut kepada satu penyelesaian bagi menjadikan bandar tersebut kawasan yang selamat didiami. Maka konsep bandar selamat telah dilancarkan oleh institusi global, iaitu UN-Habitat. Namun begitu, program ini dilihat lebih menumpukan kepada pembangunan fizikal bandar berbanding kerohanian penduduk bandar. Kerohanian masyarakat bandar sebagaimana yang terkandung dalam konsep bandar Islam seharusnya diberi keutamaan kerana masyarakat bandar itu sendiri banyak mendatangkan kerosakan kepada bandar. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menzahirkan faktor kerohanian menurut Islam sebagai pemacu kejayaan program bandar selamat. Data kajian dikumpul dengan menggunakan kaedah dokumentasi dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor kerohanian masyarakat bandar perlu diberi keutamaan dalam pembinaan bandar selamat kerana faktor ini akan melahirkan masyarakat yang memahami tujuan pelaksanaan bandar serta dapat menjaganya dengan baik. Hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pembinaan bandar yang lebih kukuh dari segi kerohanian dan fizikal serta bandar yang lebih selamat tanpa menghabiskan banyak kos pembinaan fasiliti keselamatan.

Keywords: Kerohanian, bandar selamat, bandar Islam, bandar selamat Islam

Abstract

Urban areas are facing various problems. Among the main problems in the city is a crime. A solution for this problem is required to create a safer living in the city. Hence, the safe city concept

was launched by a global institution, namely UN-Habitat. However, the program is seen to be more focused on the physical development of the city than the spirituality of the urban population. The spirituality of the urban community as contained in the concept of the Islamic city should be given priority because the damage has been done by none other than the community themselves. Therefore, the objective of this study is to reveal the spiritual factor according to the Islamic perspective as a force to succeed the safe city program. Study data were collected using the documentation method and analyzed using the content analysis method. The results show that the spiritual factors of urban communities should be given priority in building a safe city because these factors will produce a society that understands the purpose of urban implementation with proper care and attention towards it. The results of this study can strengthen the construction of a city in terms of spiritual and physical as well as a safer city without excessive spending on the construction of security facilities.

Kata Kunci: Spirituality, safe city, Islamic city, Islamic safe city

Cite as: Nor Amalina Abd Rahman @ Sabri & Wan Hishamudin Wan Jusoh. 2024. Faktor Kerohanian Menurut Islam dalam Pembinaan Bandar Selamat [Spiritual Factors According To Islam in The Construction of a Safe City]. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 8(1): 68-77.

PENGENALAN

Setiap makhluk yang hidup mengimpikan kehidupan yang selamat dan sejahtera. Keselamatan merupakan salah satu perkara penting yang perlu dicapai bagi menjamin kualiti hidup seseorang atau penduduk sesuatu tempat (Maslow, 1943). Namun begitu, keselamatan juga telah menjadi suatu cabaran kehidupan masa kini terutamanya di kawasan perbandaran yang padat dengan penduduk. Ini kerana bahaya dan kerosakan yang berlaku di dunia ini datang daripada perbuatan manusia itu sendiri. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

“Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”(Al-Rum, 30;41)

Kerosakan yang disebutkan dalam dalil ini berpunca daripada perbuatan maksiat yang dilakukan oleh manusia sehingga mengurangkan sumber alam dan mendatangkan mudarat (Ibn Kathir, 1987). Maka dapat disimpulkan bahawa manusia adalah punca kerosakan yang berlaku di atas muka bumi ini. Kawasan yang padat dengan manusia akan mendatangkan lebih banyak kerosakan, seperti kawasan bandar. Manusia yang menjadi penduduk bandar yang mendatangkan kerosakan dan masalah, maka manusia juga seharusnya diperbetulkan tindakannya. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan utama untuk menjelaskan tindakan individu yang bergelar penduduk bandar dalam menjaga keselamatan bandar berdasarkan konsep bandar selamat dan bandar Islam.

SOROTAN LITERATUR

Bandar Selamat

Revolusi kehidupan manusia sentiasa berkembang maju dari semasa ke semasa. Kawasan yang didiami juga semakin pesat membangun. Sebuah penempatan mengalami transformasi sehingga ia menjadi kampung, kota, daerah, negeri dan seterusnya ialah negara. Setiap negeri mempunyai sebuah kawasan yang dinamakan sebagai bandar. Bandar yang padat dengan jumlah penduduk akan mendatangkan kesan yang positif kepada perkembangan ekonomi, sosial dan juga fizikal sesebuah negeri serta negara (Hussain, 2013).

Namun begitu, dalam masa yang sama, kepadatan penduduk juga boleh mendatangkan kesan negatif seperti permasalahan sosial. Antara permasalahan sosial yang berlaku di bandar ialah masalah jenayah (Ghani, 2017). Jenayah merupakan masalah yang serius kerana melibatkan faktor keselamatan. Rentetan daripada masalah ini, telah diwujudkan satu usaha bagi menjaga keselamatan kawasan bandar dan dinamakan sebagai Program Bandar Selamat.


Program ini telah diperkenalkan oleh sebuah institusi antarabangsa, iaitu UN-Habitat. Keselamatan bandar didefinisikan oleh UN-Habitat sebagai suatu kesejahteraan yang boleh ditingkatkan seiring dengan peningkatan tahap perlindungan bandar dengan mengambil kira hak individu serta peranan penduduk dalam mencegah jenayah. Setiap lapisan penduduk bandar terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan polisi bandar yang menyumbang kepada kesedaran keselamatan bandar (<https://unhabitat.org>). Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa bandar selamat itu bermaksud bandar yang mengambil kira faktor kesejahteraan dan hak individu penduduk. Hak utama yang sepatutnya diperoleh oleh penduduk ialah hak keselamatan. Penduduk berhak mendapat jaminan keselamatan, dan dalam masa yang sama, kesedaran dan penglibatan penduduk juga amat penting bagi menjaga keselamatan bandar.

Seterusnya Program Bandar Selamat ini diperluaskan di negara maju dan negara membangun dengan strategi dan langkah pelaksanaan yang efektif. Fokus utama program ini ialah mengurangkan serta mencegah jenayah yang sering menjadi permasalahan sosial di bandar. Antara strategi yang digunakan dalam menjaga keselamatan bandar adalah pencegahan, pengawasan dan pendidikan. Strategi pencegahan melibatkan konsep *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED), *Defensible Space*, *Livable Cities* dan bandar selamat. CPTED dan *Defensible Space* merupakan usaha menguruskan ruang bagi membataskan kegiatan jenayah, manakala *Livable Cities* ialah konsep penyediaan kawasan bandaraya yang sesuai dan selesa didiami. Bandar selamat pula merupakan pelaksanaan yang melibatkan ketiga-tiga konsep tersebut (Md Latif & Nordin, 2015).

Strategi pengawasan pula melibatkan pihak berkuasa dan juga penggunaan teknologi terkini. Strategi ini dilaksanakan melalui rondaan pihak polis dan juga penduduk, penggunaan kamera pengawasan *Closed Circuit Television* (CCTV) serta penggunaan aplikasi *Geographic Information System* (GIS) bagi mengenal pasti kawasan kerap berlaku jenayah (Md Latif, 2015). Manakala strategi pendidikan pula melibatkan penduduk bandar itu sendiri. Penduduk bandar perlu sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan mempunyai kesedaran untuk mengurangkan jenayah bandar dengan melibatkan diri dalam usaha penjagaan keselamatan bandar (Md Latif & Nordin, 2015).

Pelaksanaan ketiga-tiga strategi ini mampu menjadikan bandar sebagai tempat yang selamat didiami dengan penglibatan usaha pelbagai pihak. Strategi Program Bandar Selamat ini seterusnya dikukuhkan lagi dengan konsep bandar pintar.

Arus pemodenan yang semakin berkembang menjadikan bandar perlu kepada konsep bandar pintar. Konsep ini dilaksanakan dengan menjadikan teknologi sebagai landasan utama dalam menangani jenayah bandar. Antara sistem yang dapat dibangunkan dengan konsep ini ialah sistem pengangkutan, tenaga, teknologi, kehidupan, persekitaran, penduduk dan pendidikan, ekonomi dan juga kepimpinan (Lacinák & Ristvej, 2017). Pengenalan kepada konsep baharu yang seiring dengan keadaan semasa dan juga penambahbaikan yang dilakukan adalah untuk menjaga kelestarian bandar serta memperkasakan konsep bandar selamat. Rajah berikut adalah lakaran pengkaji untuk konsep bandar selamat dengan gabungan konsep bandar pintar untuk keselamatan bandar:



Rajah 1: Bandar Selamat

Sumber: Md Latif, 2015; Md Latif & Nordin, 2015; Ristvej et al., 2020.

Persilangan (*intersection*) antara konsep bandar selamat dan bandar pintar ialah keselamatan bandar. Ini bermaksud kedua-dua konsep ini diperkenalkan dengan satu matlamat yang sama, iaitu bagi mengoptimumkan tahap keselamatan bandar. Namun begitu, konsep bandar selamat dan bandar pintar ini lebih tertumpu kepada pembangunan infrastruktur dan fizikal bandar berbanding pembangunan kerohanian dan spiritual. Seharusnya diutamakan pembangunan kerohanian dan spiritual penduduk bandar. Ini kerana bentuk pembangunan ini

mampu melengkapkan penduduk bandar dengan nilai-nilai murni, seterusnya mengekang permasalahan yang berpunca daripada penduduk bandar itu sendiri. Fokus kepada pembangunan rohani dan spritual ini dapat dilihat dengan jelas dalam konsep bandar Islam.

Bandar Islam

Pengenalan kepada bandar Islam sudah tidak asing lagi dalam dunia perancangan bandar. Konsep bandar Islam ini bermula semenjak zaman Rasulullah SAW, iaitu semasa pembukaan bandar Madinah. Madinah merupakan sebuah bandar yang membangunkan tamadun Islam dengan menjadikan masjid sebagai pusat segala aktiviti kemasyarakatan. Bandar yang dibina dengan prinsip Islam ini mempunyai tiga asas, iaitu keadaan semulajadi, agama dan hukum syarak (Budiman, 2019). Ketiga-tiga asas ini menjadikan Madinah sebagai bandar yang mapan serta selari dengan syariat Islam. Bermula daripada peristiwa perbandaran Islam inilah konsep bandar Islam itu diperkenalkan dan dicontohi di serata dunia. Antara negara yang mencontohi pembinaan bandar Islam ialah negara Malaysia, iaitu negara yang terkenal sebagai negara Islam.


Terdapat dua buah bandar yang dinamakan sebagai bandar Islam di Malaysia, iaitu Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Kuala Terengganu dinyatakan sebagai bandar Islam kerana mempunyai persamaan dengan bandar Islam di negara Arab. Bandar Kuala Terengganu dibina berlandaskan kepada ajaran al-Quran dan hukum fikah bagi mengoptimumkan kesejahteraan penduduknya, sebagaimana yang dapat dilihat di bandar-bandar negara Arab (Abdul Latip et al., 2020). Kota Bharu pula dinamakan sebagai bandar Islam berpandukan kepada objektif yang ingin dicapai dalam aspek pembangunannya. Objektif penjenamaan ini ialah bagi membina identiti Kota Bharu yang tersendiri berdasarkan nilai-nilai Islam (Hassan et al., 2020). Melalui hubungan dan perkaitan inilah kedua-dua bandar tersebut dinamakan sebagai bandar Islam. Ini bermaksud bandar Islam seharusnya mempunyai infrastruktur yang melambangkan agama Islam dan juga objektif yang menetengahkan ajaran Islam.

Infrastruktur utama yang seharusnya dimiliki oleh bandar Islam ialah masjid. Masjid yang dibina di tengah bandar menjelaskan keutamaannya dalam pembinaan bandar dan peradaban Islam. Selain itu, pembinaan dan reka bentuk infrastruktur setiap sudut bandar Islam dirancang dengan teliti bagi menstabilkan keadaan sosio-ekonomi serta melicinkan aktiviti penduduk bandar (Saad & Mohd Radzi, 2009). Pembinaan ini perlu dilakukan dengan mempertimbangkan hak privasi, pemeliharaan alam sekitar, penjagaan kesihatan, penjagaan keselamatan dan juga penyelenggaraan jalan raya (Shehada, 2020). Ketelitian dalam pembandaran Islam ini menunjukkan bahawa Islam itu mengambil berat akan setiap aspek kehidupan, di samping menjayakan matlamat utamanya.

Bandar Islam dibina dengan mengaitkan konsep kehidupan di dunia dan akhirat. Maka matlamat utama pembangunan bandar Islam adalah untuk mencapai kebahagiaan serta selamat di dunia dan akhirat. Berdasarkan matlamat ini, perancangan bandar berbentuk fizikal sahaja tidak akan sempurna. Ini kerana, ia perlu mengambil kira aspek pembangunan kerohanian penduduk bandar, iaitu faktor kemanusiaan, tujuan hidup, cara hidup serta perkaitan dengan aspek Ketuhanan (Md Dali et al., 2016). Konsep Ketuhanan dan akhirat merupakan pegangan akidah Islam. Manusia yang beriman dengan kedua-dua konsep ini akan memahami makna kehidupan, matlamat kehidupan serta melakukan kebaikan untuk balasan di hari akhirat. Hari

akhirat merupakan hari kebangkitan selepas manusia mati dan juga hari perhitungan bagi setiap perlakuan manusia. Oleh itu, manusia yang memiliki rohani selari dengan ajaran Islam akan melakukan kebaikan supaya selamat di dunia dan akhirat.

Jelaslah bahawa aspek utama yang seharusnya diberi tumpuan dalam pembinaan bandar Islam ialah aspek kerohanian. Kerohanian di sini bermaksud penjagaan terhadap hubungan dengan Allah SWT dan juga hubungan sesama makhluk dengan mematuhi al-Quran dan sunah. Pembangunan kerohanian pula ialah suatu proses melengkapkan diri manusia dengan aspek kerohanian, iaitu takwa, iman, adab dan ibadah (Lagiman et al., 2015). Takwa, iman, adab dan ibadah ini dapat diringkaskan sebagai akidah, syariat dan akhlak. Aspek akidah melibatkan kepercayaan kepada rukun-rukun iman yang enam, iaitu kepercayaan kepada Allah, rasul, malaikat, kitab yang diturunkan, hari kiamat serta qada' dan qadar-Nya. Aspek syariat pula melibatkan hukum Islam, terutamanya hukum daripada empat sumber yang disepakati, iaitu al-Quran, sunah, ijmak dan *qiyas*. Manakala aspek akhlak pula melibatkan segala tingkah laku baik yang perlu dicontohi daripada Rasulullah SAW dan selari dengan ajaran al-Quran. Rajah berikut merupakan lakaran pengkaji bagi konsep bandar Islam:



Rajah 2: Bandar Islam

Sumber: Lagiman et al., 2015.

Ketiga-tiga bentuk aspek kerohanian, iaitu akidah, syariat dan akhlak ini merupakan aspek utama yang akan menentukan kejayaan bandar dan kebahagiaan penduduknya. Jika aspek ini berjaya diterapkan dalam kalangan penduduk bandar, maka bandar tersebut akan menjadi sebuah bandar yang gemilang sebagaimana bandar-bandar Islam terdahulu. Sebaliknya jika aspek ini tidak diterapkan dalam kalangan penduduk bandar, maka bandar akan mengalami pelbagai masalah seperti masalah sosial dan jenayah. Ini kerana pembentukan rohani penduduk bandar akan mempengaruhi fizikal bandar. Penduduk bandar yang mantap rohaninya akan menjaga bandarnya dengan baik, manakala penduduk bandar yang kurang mantap rohaninya

kurang peduli tentang keadaan bandarnya. Oleh itu, konsep bandar Islam yang mengutamakan aspek kerohanian ini sewajarnya diberi penekanan dalam membina sebuah bandar selamat menurut Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Pengumpulan data kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah dokumentasi. Pencarian dan pengumpulan data kajian ini melibatkan sumber sekunder sahaja merangkumi bahan-bahan ilmiah yang telah diterbitkan sama ada secara bercetak atau secara digital. Setelah itu, data akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan ini seterusnya menghasilkan dapatan kajian selaras dengan objektif utama kajian, iaitu menzahirkan faktor kerohanian menurut Islam sebagai pemacu kejayaan program bandar selamat. Hasil kajian ini seterusnya diinterpretasikan dalam bentuk gambar rajah secara keseluruhan dengan menjadikan faktor kerohanian menurut Islam sebagai fokus utama pelaksanaan bandar selamat.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

UN-Habitat menekankan pembangunan material serta berusaha membangunkan fasiliti-fasiliti keselamatan melalui strategi pencegahan dan pengawasan bagi mengawal masalah jenayah bandar. Manakala strategi pendidikan masyarakat pula tidak dinyatakan dengan lebih terperinci atau kurang mendapat perhatian sebagai fokus pelaksanaan bandar selamat. Keadaan ini jauh berbeza dengan pembangunan bandar Islam yang memandang pembinaan kerohanian atau pendidikan masyarakat itu lebih penting berbanding pembinaan material bagi mewujudkan bandar yang selamat. Faktor kerohanian inilah yang akan menyumbang kepada kejayaan bandar selamat. Ini kerana fitrah bagi setiap manusia adalah beragama dan mempunyai pegangan keimanan. Agama akan mengisi keperluan jiwa dan rohani manusia. Maka Allah SWT telah menyebut bahawa agama Islam itu sebagai agama yang diredai melalui firman-Nya yang bermaksud: “Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.” (Ali ‘Imran, 3:19).


Islam menjadikan al-Quran dan sunah Rasulullah SAW sebagai ikutan utama. Ikutan dan pegangan ini bukan hanya melibatkan perihal keagamaan, malah meliputi segala hal kehidupan, misalnya hal pembinaan dan keselamatan bandar. Al-Quran telah menetapkan ciri-ciri masyarakat yang baik, manakala Rasulullah SAW pula menunjukkan contoh pembinaan bandar yang baik dengan terbentuknya masyarakat bertamadun di kota Mekah dan Madinah. Rasulullah SAW memberi fokus dalam pembinaan masyarakat terlebih dahulu berbanding pembinaan material. Apabila masyarakat sudah terbina dengan nilai-nilai kerohanian yang tinggi, maka pembangunan material akan terbina dengan sendirinya tanpa mengalami masalah yang serius.

Maka strategi pembinaan bandar selamat menurut Islam melibatkan tiga aspek kerohanian yang penting, iaitu aspek akidah, syariat dan akhlak. Dari sudut akidah Islam yang berteraskan kepada enam rukun iman, masyarakat akan cenderung mempercayai kewujudan Allah SWT dan juga merasakan kehadiran-Nya dalam setiap tingkah laku. Apabila masyarakat bandar percaya kepada Allah SWT dan rukun-rukun iman yang lain, akan timbul rasa takut

untuk melakukan kejahatan kerana disaksikan Allah SWT, bercanggah dengan sunah Rasulullah SAW, dicatat malaikat, bercanggah dengan al-Quran, akan dihitung pada hari kiamat serta bercanggah dengan kemahuan Allah SWT. Kerohanian yang lahir daripada penghayatan rukun iman sebegini akan menjaga masyarakat bandar daripada melakukan sebarang kerosakan. Bandar juga tidak memerlukan lagi kos yang tinggi untuk memasang alat pemantauan seperti *Closed Circuit Television* (CCTV).

Manakala dari sudut syariat pula, rukun Islam merupakan panduan asas dalam menjalankan kehidupan seharian. Setiap rukun Islam dijelaskan secara terperinci mengenai hukum serta kaedah pelaksanaannya. Ini kerana pelaksanaan yang bertepatan dengan kehendak syariat akan melahirkan penghayatan kerohanian, seterusnya menjadi benteng daripada melakukan perbuatan yang bercanggah dengan syariat Islam. Misalnya nilai kerohanian yang lahir daripada pelaksanaan solat lima waktu yang diperintahkan oleh Allah SWT dan terkandung dalam rukun Islam. Pelaksanaan solat yang selari dengan syariat Islam akan menyebabkan rohani individu yang melaksanakannya terisi dengan kebaikan. Rohani yang terisi dengan kebaikan pastinya akan berusaha sedaya upaya menjauhi keburukan. Oleh itu, individu yang solat lima waktu sebagaimana yang disyariatkan dalam Islam pasti tidak akan melakukan perbuatan buruk yang boleh mendatangkan mudarat kepada rohaninya serta merosakkan hubungannya dengan Allah SWT.

Faktor kerohanian dari sudut akhlak pula adalah dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai ikutan. Rasulullah SAW merupakan model insan yang berbudi pekerti tinggi serta berakhlak mulia. Akhlak mulia Rasulullah SAW telah disebutkan sebagai akhlak al-Quran, bermaksud akhlak yang selari dengan ajaran al-Quran. Antara contoh akhlak Rasulullah SAW yang dapat diikuti ialah tidak merosakkan alam sekitar dan juga bangunan, walaupun dalam keadaan berperang. Akhlak sebegini jika dijadikan sebagai contoh, khususnya bagi masyarakat bandar, maka permasalahan bandar akan berkurangan. Perbuatan yang merosakkan bandar seperti vandalisme juga dapat diatasi dan prasarana bandar akan lebih terpelihara. Seterusnya gambar rajah berikut merupakan ringkasan bagi pelaksanaan bandar selamat menurut Islam yang menjadikan faktor kerohanian sebagai fokus utama bagi menjayakannya:



Rajah 3: Bandar Selamat Menurut Islam

Faktor kerohanian yang terdiri daripada kepercayaan akidah, pelaksanaan hukum Islam serta akhlak Islam inilah yang akan memantapkan masyarakat bandar. Masyarakat yang memahami serta mematuhi ketiga-tiga aspek kerohanian ini pasti tidak akan melakukan kerosakan dan jenayah, sebaliknya berusaha melakukan perkara yang mendatangkan manfaat bersama. Oleh itu, bandar akan selamat secara semula jadi tanpa perlu menghabiskan banyak kos bagi menyediakan fasiliti keselamatan. Jelaslah bahawa masyarakat yang terdidik dengan nilai-nilai kerohanian akan menghasilkan natijah yang baik, seterusnya membawa kepada penyelesaian masalah-masalah bandar. Maka wajarlah sekiranya pembangunan kerohanian atau pendidikan masyarakat bandar itu lebih diutamakan berbanding pembangunan fizikal.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pembangunan dan keselamatan bandar itu dipengaruhi oleh faktor kerohanian masyarakatnya. Jika masyarakat yang kurang terdidik rohaninya, maka akan timbul pelbagai jenis kerosakan. Jika masyarakat yang mantap rohaninya, bandar dan isinya akan lebih terjaga. Justeru itu, pembangunan kerohanian masyarakat bandar seharusnya diberi perhatian berbanding pembangunan fizikal atau material. Hasil kajian ini boleh digunakan dalam program perancangan bandar, program pembinaan masyarakat bandar serta perancangan program bandar selamat supaya dapat membina bandar yang lebih kukuh dari sudut kerohanian dan fizikal. Manakala untuk cadangan kajian selanjutnya, kajian terhadap kerohanian masyarakat bandar boleh dilakukan dengan lebih mendalam lagi, misalnya kajian terhadap tahap pemahaman kerohanian. Kajian sebegini akan membawa kepada pendekatan untuk mendidik kerohanian masyarakat bandar.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian menggunakan dana Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), FRGS/1/2019/SS06/UNISZA/02/03 (RR316) bertajuk “Pembinaan Model Amar Makruf Nahi Mungkar dalam Amalan Kejiranan Penduduk Bandar di Malaysia”. Terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kerana memberi dana dan menyokong penghasilan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Latip, N. S., Harun, N. Z., Abdullah, A., & Ibrahim, M. (2020). The Derivation of Urban Design Principles in Malay-Islamic Town of Kuala Terengganu. *PLANNING MALAYSIA: Journal of the Malaysian Institute of Planners*, 18(2), 243–254. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.21837/pm.v18i12.758>
- Budiman, H. (2019). Istanbul, The Development of Islamic City Thinking. Dalam A. Wismadi, P. A. P. Agustiananda, M. Fauziah, B. Kushari, A. Nurmiyanto, & J. A. Fajri (ed.), *MATEC Web of Conferences* (Vol. 280, pp. 1–9). <https://doi.org/10.1051/matecconf/201928002005>
- Ghani, Z. A. (2017). A Comparative Study of Urban Crime between Malaysia and Nigeria. *Journal of Urban Management*, 6(1), 19–29. <https://doi.org/10.1016/j.jum.2017.03.001>

- Hassan, H., Omar, S. I., & Ahmad, G. (2020). Importance-Performance Matrix Analysis of Kota Bharu's Islamic City Image. *PLANNING MALAYSIA: Journal of the Malaysian Institute of Planners*, 18(3), 142–153. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.21837/pm.v18i13.781>
- Hussain, M. Y. (2013). Prakata: Dinamik dan Kualiti Hidup Bandar. *Akademika*, 83(1), 3–5.
- Ibn Kathir, I. (1987). *Tafsir Al-Quran Al-'Azim*. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Lacinák, M., & Ristvej, J. (2017). Smart City, Safety and Security. *Procedia Engineering*, 192, 522–527. <https://doi.org/10.1016/j.proeng.2017.06.090>
- Lagiman, N., Ngah, I., Mustari, I., & Bashirun, S. N. (2015). Konsep Asas Pembentukan Indikator Bandar Sejahtera Menurut Perspektif Islam. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 2(3), 10–24. <https://doi.org/10.11113/umran2015.2n3.24>
- Maslow, A. (1943). A Theory of Human Motivation. *Psychological Review*, 50, 370–396. <https://doi.org/10.4324/9781912282517>
- Md Dali, N., Abdullah, A., & Ahmad Sarkawi, A. (2016). Liveability Planning for Cities: Within the Islamic Framework of Maqasid al-Shari'ah. *PLANNING MALAYSIA: Journal of the Malaysian Institute of Planners, Special Issue IV*, 31–44. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.21837/pmjournal.v14.i4.158>
- Md Latif, F. (2015). Ke Arah Pengurangan Indeks Jenayah Jalan di Pusat Bandar Kuala Lumpur. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 11(4), 97–107.
- Md Latif, F., & Nordin, N. A. (2015). Penggunaan Space Syntax dalam Penentuan Kawasan Risiko Jenayah di Bandar. *Geografi*, 3(1), 81–93.
- Ristvej, J., Lacinák, M., & Ondrejka, R. (2020). On Smart City and Safe City Concepts. *Mobile Networks and Applications*, 25(3), 836–845. <https://doi.org/10.1007/s11036-020-01524-4>
- Saad, S., & Mohd Radzi, M. (2009). Urus Tadbir Sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian Kes di Kota Bharu, Kelantan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 5(3), 8–25.
- Shehada, Z. M. M. (2020). The Islamic Influence on Built Environment in Ancient Islamic Cities: A Descriptive-Analytic Study. *Journal of Al-Tamaddun*, 15(2), 81–94. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol15no2.7>
- United Nations System-wide Guidelines on Safer Cities and Human Settlements. (2012). Diakses pada 17 Julai 2023, daripada https://unhabitat.org/sites/default/files/2020/03/un_systemwide_guidelines_on_safer_cities_and_human_settlements.pdf.